

Terjemahan Jilaa'ul Azhaan

PERBINCANGAN TENTANG BERAPA ORANG KAH SAHABAT YANG KEKAL BERIMAN KEPADA RASULULLAH S.A.W SELEPAS KEWAFATAN BAGINDA??

Sanggahan 386– Kalau kamu katakan sahabat-sahabat tidak lagi beriman kepada nabi s.a.w selepas kewafatan baginda. Mereka hanya beriman dengan baginda s.a.w sebelum kewafatan baginda. Bagaimana pula dengan ayat ini?

“يأيها الذين آمنوا من يرتد منكم عن دينه فسوف يأتي الله بقوم يحبهم و يحبونه أذلة على المؤمنين أذلة على الكافرين”

Bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman sesiapa yang murtad di kalangan kamu daripada agamanya, nanti Allah s.w.t akan datangkan satu golongan yang Allah kasih kepada mereka dan mereka kasih kepadaNYA, mereka lembut terhadap orang-orang mukmin dan keras terhadap orang-orang kafir”. Siapakah yang dimaksudkan dengan ayat ini? Siapakah yang murtad dan siapakah yang beriman dan dikasihi Allah? Dalam ayat ini Allah berjanji akan datangkan golongan yang dikasihi Allah. Memang begitulah keadaannya selepas kewafatan baginda s.a.w. Akan tetapi siapakah pula yang keras menentang orang-orang murtad tersebut? Bukankah mereka yang dikasihi Allah itu??

Sanggahan 387– Mereka menta'wilkan ayat ini. Kata mereka ayat ini berkenaan dengan hari kiamat, bukannya berkenaan dengan apa yang berlaku selepas nabi wafat. Apabila malaikat berkata : “إنك لا تدري ما أحدثوا بعد” bermaksud, “sesungguhnya kamu tidak tahu apa yang mereka (para sahabat) lakukan selepas kamu”. Kenyataan ini mereka guna untuk memperkenalkan para sahabat. Di dalam kitab Hayaatul Qulub tersebut, “timbul satu cahaya yang menyuluh orang-orang munafiq sahaja, termasuk di dalam munafiqin itu Abu Bakar, Umar dan sahabat-sahabat yang lain”. Jikalau kita terima riwayat di dalam kitab Hayaatul Qulub ini shohih, bermakna kata malaikat “لا تدري” itu sudah tidak betul.

Sanggahan 388– Di dalam Nahjul Balaghah, Sayyidina Ali berkata, “saya mendapati sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w itu bersifat dengan sifat yang mana tiada seorang pun di kalangan puak-puak aku yang ada hari ini boleh menandingi para sahabat baginda”.

Sanggahan 389– Kata Sayyidina Ali, “مضت أصول و نحن فروعها” bermaksud, “sudah berlalu ushul (pangkal-pangkal) tinggal lagi kita yang furu' (cabang)”. Apa makna ushul? Yakni sahabat-sahabat itu sudah berlalu, furu' itu pula maksudnya kita yang terkemudian. Yakni yang hebat-hebat sudah berlalu, kita (sahabat Sayyidina Ali) pula hanyalah cabang. Ini menunjukkan pujian Sayidina Ali kepada para sahabat, kalau dikatakan bukan dengan maksud puji apa pula maksudnya? Mereka itu ushul, keberadaan kita ini bergantung kepada keberadaan mereka. Bermakna kita ini sebahagian daripada mereka (sahabat). Kalau mereka itu munafiq, bermakna kita juga munafiq kerana kita (sahabat Sayyidina Ali) adalah furu' kepada mereka.

Sanggahan 390– “قوم و الله ميامين الواي مقاويل بالحق متاريك للبغي” bermaksud, “sahabat-sahabat itu ialah orang-orang yang pentadbiran dan pengurusan mereka diberkati, mereka bercakap benar serta meninggalkan kezaliman”. Ini adalah khutbah Sayyidina Ali yang memuji

para sahabat. Kalaulah benar khutbah Sayyidina Ali ini, kamu perlu semak semula adakah benar akidah yang kamu anuti. Kalaulah betul kata Sayyidina Ali ini, bermakna sahabat-sahabat ini adalah orang-orang yang baik. Ini juga bermakna dakwaan kamu bahawa sahabat-sahabat ini jahat, bercanggah dengan kenyataan imam kamu sendiri. Akan tetapi mereka jawab, ini adalah taqiyyah Sayyidina Ali bertujuan untuk memperdayakan orang ramai. Hakikat sebenarnya ialah sahabat-sahabat itu jahat seperti yang diyakini oleh mereka.

Sanggahan 391 – “*إن قوما استشهدوا في سبيل الله من المهاجرين والأنصار و لكل فضل*” ertinya, “*Satu golongan yang telah berjihad fi sabilillah dari kalangan Muhaajirin dan Ansar dan telah mati syahid mereka ada kelebihan*”. Kata-kata Sayyidina Ali di dalam Nahjul Balaghoh. Bagaimana pula dengan pujian Sayyidina Ali terhadap sahabat Muhajiriin dan Ansar ini? Akan tetapi mereka ta’wil kata-kata Sayyidina Ali ini. Kata mereka, apa yang Sayyidina Ali katakan itu adalah atas dasar taqiyyah ataupun dia merujuk kepada golongan tertentu sahaja. Persoalannya ialah siapakah yang dimaksudkan dengan tertentu daripada Muhajiriin dan Ansar itu.

Sanggahan 392 – Di dalam Nahjul Balaghoh, Sayyidina Ali berkata,

“*لقد كنا مع رسول الله أبنائنا و إخواننا و أعمامنا ما يزيدنا ذلك إلا إيماننا و تسليما*”

*Di sini terdapat banyak kesilapan ibarat. Jika mengambil kira terjemahan urdu bunyinya begini, “*كنا مع رسول الله نجاهد أو نقاتل أبنائنا و إخواننا*” bermaksud, “*kami dahulu bersama Rasulullah s.a.w memerangi anak-anak kami, saudara-mara kami dan pakcik-pakcik kami, semua itu tiada menambahkan kecuali iman dan penyerahan kepada Allah*”. Siapakah yang dimaksudkan oleh Sayyidina Ali ini? Mereka sanggup memerangi sanak saudara sendiri semata-mata kerana ingin menegakkan agama Allah.

Sanggahan 393 –

Sanggahan 394 – Kalaulah Rasulullah s.a.w dan Sayyidina Ali menyanjung sebegitu rupa sahabat-sahabat di samping menerima dan memperakui keimanan dan keislaman mereka, kenapa pula kamu sibuk mempertikaikannya?

Sanggahan 395– Kalau kita menerima sepertimana dakwaan syiah bahawa selepas kewafatan baginda mereka (para sahabat) tidak lagi beriman dan jelas berdasarkan sejarah serta riwayat-riwayat syiah bahawa selepas kewafatan baginda, ithrah (keluarga) nabi s.a.w hidup dalam keadaan penuh bertaqiyyah. Jadi apakah saluran yang ada pada ketika itu untuk islam tersebar sampai begitu meluas kalau mereka ini tidak islam?

Sanggahan 396– Di dalam tafsir Hasan Al Askariy tersebut Allah azza wa jalla berkata,

“*قال الله عز و جل يا موسى أما علمت أن فضل صحابة محمد على جميع صحابة المرسلين*
كفضل آل محمد على جميع المرسلين”

Bermaksud, “*Allah azza wa jalla berkata, wahai Musa! Tahukah kamu bahawasanya kelebihan sahabat-sahabat Muhammad mengatasi kelebihan sahabat-sahabat sekalian rasul, sepertimana kelebihan keluarga Muhammad mengatasi kelebihan sekalian rasul*”. Dalam keadaan sebegini jelas pujian Hasan Al Askariy terhadap para sahabat, bagaimana kamu boleh memandang serong terhadap mereka?

Sanggahan 397- Di dalam kitab “**قرب الإسناد**”,Zainal Abidin(imam syiah yang keempat,anak kepada Husain) berdalil untuk berkhotbah selepas sembahyang hari raya dengan katanya:

“**أن رسول الله و أبا بكر و عمر و عثمان كانوا يجهرون بالقراءة في العيدين و يصلون قبل
الخطبة**”

Bermaksud,“*sesungguhnya Rasulullah,Abu Bakar,Umar dan Uthman mereka menyaringkan bacaan dalam sembahyang dua hari raya,mereka juga bersembahyang sebelum imam berkhotbah*”.Bagaimana Ali Zainal Abidin menjadikan amalanAbu Bakar,Umar dan Uthman sebagai hujjah tentang kebenaran sembahyang hari raya sebelum khutbah.Tetapi kamu menolak pendapatnya sedangkan beliau adalah imam yang ma’sum di sisi kamu?

-PERBINCANGAN TENTANGKELEBIHAN ABU BAKAR SERTA KEIMANANNYA

Sanggahan 398- Allah s.w.t berfirman :“**إلا تنصروه فقد نصره الله**”bermaksud,“*kalau kamu tidak menolongnya,nescaya Allah akan menolongnya*”.Cuba kamu jelaskanbagaimanakah bentuk pertolongan Allah kepada nabi s.a.w dalam peristiwa hijrah??

Sanggahan 399-Kalau kita menerima Sayyidina Abu Bakar yang mengiringi Rasulullah s.a.w itu merupakan satu bentuk pertolongan Allah kepada nabi s.a.w dalam peristiwa hijrah,apa kekurangannya?Adakah dia melakukan sesuatu yang buruk kepada baginda dalam perjalanan itu?

Sanggahan 400-Dan kalau kita menolak Sayyidina Abu Bakar itu sebagai satu bentuk pertolongan Allah kepada nabi s.a.w dalam peristiwa hijrah,maka siapakah yang sepatutnya kita terima selain Abu Bakar yang terbukti telah menolong baginda dalam peristiwa hijrah itu?Cuba kamu jelaskan bagaimanakah caranya??

Sanggahan401-Benarkah cerita tentang ketika mana Rasulullah dan Sayidina Abu Bakar duduk bersedia untuk solat tiba-tiba nabi nampak kapal,lalu baginda berkata kepada Abu Bakar,

“**قال لأبي بكر كائني أنظر إلى سفينة في البحر إلى قوله فقالأبو بكر و تراهم يا رسول الله قال
نعم قال فأرينهم فسح عينيه فرأهم فقال له رسول الله أنت الصديق**”

Bermaksud,“*aku seolah-olah melihat kapal di laut hinggalah kepada katanyalalu Abu Bakar berkata,kamu nampak wahai Rasulullah?Nabi jawab,ya memang aku nampak.Abu Bakar pun kata,mintalah supaya aku juga dapat melihatnya.Rasulullah pun menyapu mataAbu Bakarsehingga Abu Bakar juga dapat melihatnya,ketika itu Rasulullah berkata,benarlah engkau seorang yang sangat benar*”(Tafsir Al-Qummi)

Jadi bagaimana pula dengan pengiktirafan Nabi s.a.w ini terhadap sifat siddiq Abu Bakar? Tambahan pula ia dinukilkan daripada kitab tafsir kamu sendiri.Kalau diandaikan nabi bertaqiyah di sini,logiknya dari sudut mana taqiyah itu berlaku?

Sanggahan 402- Di dalam “**قرب الإسناد**”(salah satu rujukan utama syiah) tersebut,“*Imam Muhammad Al-Baqir (Imam yang kelima mengikut kepercayaan syiah) apabila beliau ditanya tentang sesuatu masalah,dia akan berkata,*“**قال أبي : فعل أبو بكر الصديق بعد**” bermaksud,ayah saya kata,Abu Bakar As-Siddiq lakukan selepas nabi s.a.w”.Setelah Muhammad Al-Baqir sendiri

mengakui amalan Abu Bakar(khalifah yang pertama selepas wafatnya Rasulullah s.a.w)sebagai hujjah,mengapa pula kamu tidak mengiktiraf Abu Bakar?Bahkan kamu kata yang sepatutnya jadi khalifah selepas nabi wafat ialah Sayyidina Ali.Mengapa pula Imam kamu Muhammad Al-Baqir kata Abu Bakar?Kesimpulannya terlampau banyak pertentangan yang terdapat di dalam ajaran syiah.

Sanggahan403– Berdasarkan kitab-kitab tafsir ahlu sunnah dan ahlu tasyayyu’,di dalam ayat “*و سيجنبها الأتقي*” bermaksud,“*dan akan dijauhkan neraka itu daripada orang yang paling bertaqwa*”.Di dalam mana-mana kitab tafsir samaada Ahlu sunnah mahupun syiah menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah Sayyidina Abu Bakar.Ayat ini turun berkenaan sebuah peristiwa ketika mana Abu Bakar membeli Bilal dan Amir b. Fuhairah (yakni memerdekakan mereka berdua)lalu dia menyerahkan mereka berdua kepada nabi s.a.w.Setelah nyata demikian,mengapa kamu terus berkeras mengatakannya tidak beriman dan menafikan kedudukannya yang tinggi di sisi Rasulullah??Sedangkan di dalam kitab-kitab tafsir sedemikian rupa disebut kemuliaannya.

Sanggahan 404– Di dalam tafsir Majmau’l Bayaantersebut,“*هو الذي جاء*” bermaksud,“*dialah yang datang membawa kebenaran*” yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah nabi s.a.w “*و صدق به*” bermaksud,“*dan membenarkannya*” yang dimaksudkan dengan ayat ini pula ialah Abu Bakar.Di sini jelasAl-Quransendiri yang mengiktiraf kedudukan Abu Bakar.Adakah kitab lain yang lebih utama dan lebih diakui berbanding Al-Quran?Peringatan kepada ahlu sunnah bahawa sesetengah kitab-kitab tafsir syiah,ada yang ditulis secara sederhana tanpa dinyatakan fahaman-fahamannya yang melampau dengan maksud untuk menjerut leher ahlu sunnah.Antara kitab tafsir tersebut ialah Majma’ul bayaan dan At-Tibyaan.

Sanggahan 405– Di dalam Mira’atul ‘Uquulsyarah kepada kitab Al-Furu’ dan Ushul Al-Kafi karanganMulla Baaqir Al- Majlisikatanya,apabila ibu Sayyidina Ali meninggal dunia Abbas dan Abu Bakarlah yang menurunkan jenazahnya ke dalam lahad.Kalaulah Abu Bakar itu jahat seperti yang digambarkan oleh syiah dewasa ini,tentu sekali Sayyidina Ali takkan membiarkan Abu Bakar menurunkan jenazah ibunya ke dalam lahad.Dalam keadaan begitu,kenapa Sayyidina Ali sendiri tidak menurunkan jenazah ibunya atau pun dia menyuruh orang lain menurunkannya??

Sanggahan 406– Memang jelas terbukti dalam sejarah dan riwayat-riwayat sunni dan syiah bahawa Sayyidina Ali sembahyang berimamkan Abu Bakar.Kalaulah Sayyidina Abu Bakar tidak beriman,bagaimana Sayyidina Ali boleh berimamkannya?Ini menunjukkan bahawa Sayyidina Ali begitu percaya kepada Abu Bakar dan memang beliau terima bahawa semasa hayat nabi s.a.w,apabila nabi sakit baginda memerintahkan Abu Bakar menjadi imam menggantikannya.Sayyidina Ali juga kelihatannya benar-benar memahami kehendak nabi s.a.w itu.Kerana itu setelah kewafatan baginda,di bawah kuasa Abu Bakar sebagai khalifah,dia terus sembahyang berimamkan Abu Bakar tanpa sebarang kecurigaan.Maka dengan mudahnya mereka jawab itu hanya taqiyyah Sayyidina Ali.

Sanggahan 407– Sebahagian puak syiah ada yang mendakwa sebenarnya Sayyidina Ali tidak berada di dalam saf semasa bersembahyang di belakang Sayyidina Abu Bakar.Padahal di dalam kitab Ghazawaat Haidariy jelas menyebutkan bahawa Sayyidina Ali berada di dalam saf semasa bersembahyang di belakang Sayyidina Abu Bakar.Tetapi syiah dakwa lagi,itu sebenarnya pengulangan solat Sayyidina Ali untuk bertaqiyyah.

Sanggahan 408–Kalau Sayyidina Ali bersembahyang di belakang Abu Bakar dengan kepercayaan bahawasanyatidak harus bersembahyang di belakangnya,adakah sembahyang beliau itu sah?

Sanggahan 409– Kalau kamu kata ianya sah bermakna Sayyidina Abu Bakar adalah seorang muslim dan bagi Sayyidina Ali beliau seorang yang layak menjadi imam serta khalifah. Kalau sembahyangnya tidak sah, bermakna diatelah melakukan maksiat sedangkan dia seorang imam yang ma'sum di sisi syiah? Sembahyang di belakang seorang yang diyakini bukan islam adalah haram hukumnya. Layakkah seorang yang ma'sum melakukan perbuatan yang haram?

Sanggahan 410– Kalau kamu kata perbuatan Sayyidina Ali ini taqiyyah, cuba kamu buktikan berdasarkan kata-kata Sayyidina Ali sendiri bahawa nabi s.a.w pernah membuat sesuatu yang tidak harus dibuat secara konsisten, sedangkan ia perbuatan yang tidak harus dilakukan!! Sila kemukakan dalil tentangnya?

Sanggahan 411– Kalau tidak thabit nabi s.a.w pernah melakukan amalan seperti ini, bermakna sembahyang Sayyidina Ali di belakang Abu Bakar secara taqiyyah itu, adalah sesuatu yang bercanggah dengan perbuatan nabi s.a.w. Kerana nabi s.a.w tidak pernah melakukan amalan sedemikian. Cuba kamu jelaskan percanggahan ini!!

Sanggahan 412– Kalau kita terima kenyataan syiah ini dan andaikata selepas itu Sayyidina Ali mengulangi sembahyangnya di rumah, adakah dia turut berpesan kepada orang lain supaya mengulangi semula sembahyang bersama Abu Bakar tadi? Ini kerana sembahyang itu tidak sah bagi mereka. Adakah dia berpesan begitu kepada para jemaah?

Sanggahan 413– Kalau kamu kata, Sayyidina Ali ada berpesan kepada ahli jemaah supaya mengulangi sembahyang tersebut di rumah, bawakan dalil yang menyatakan perkara tersebut!! Kalau kamu kata dia tiada berpesan demikian, bukankah dia telah berdosa kerana menyembunyikan kebenaran? Bermakna Sayyidina Ali juga berdosa, padahal kamu dakwa dia seorang yang ma'sum??

Sanggahan 414– Kalau kamu kata sembahyang Sayyidina Ali berimamkan Abu Bakar hanya berlaku sekali, cuba kamu bawakan dalil yang menyokong kata-kata kamu itu!! Kalau benar begitu, tentulah telah tersebar dengan meluas berita tentangnya di kalangan masyarakat pada ketika itu. Yang nyata hari ini tiada satu pun riwayat yang shahih menthabitkannya.

Sanggahan 415– Kalau kamu kata Sayyidina Ali tidak pernah bersembahyang di belakang Sayyidina Abu Bakar, itu adalah mustahil kerana di dalam kitab syiah sendiri ada menyebutkannya begini katanya, *"bahawa Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar pernah merancang untuk membunuh Sayyidina Ali dengan menyuruh Khalid b. Al-Walid membunuhnya. Tiba-tiba rancangan itu diketahui oleh Asma' bt Umais yang mana ketika itu beliau merupakan isteri kepada Abu Bakar. Dialah yang membocorkan rahsia itu kepada Sayyidina Ali. Katanya kepada Ali, hari ini kamu jangan pergi bersembahyang di masjid, kerana ada komplot yang dirancang untuk membunuh kamu!! Akan tetapi Sayyidina Ali tidak mengendahkan nasihat Asma' itu, beliau terus pergi bersembahyang di belakang Abu Bakar seperti biasa"*. Berdasarkan cerita yang hanya ada tersebut di dalam kitab syiah ini, jelas membuktikan bahawa Sayyidina Ali ialah seorang yang sering bersembahyang di masjid berimamkan Abu Bakar walaupun dalam keadaan yang boleh mengancam nyawanya.

Sanggahan 416– Kalau di zaman nabi s.a.w, baginda telah memilih Abu Bakar menggantikan tempatnya sebagai khalifah, takkanlah Sayyidina Ali tidak bersetuju Rasulullah melantik Abu Bakar menjadi imam sedangkan dia sendiri yang pergi bersembahyang di belakang Abu Bakar. Bahkan nabi s.a.w juga turut bersembahyang di belakang Abu Bakar. Mustahil Sayyidina Ali boleh bersikap seperti yang didakwa oleh syiah. Ini jelas bertentangan dengan realiti yang berlaku.

Sanggahan 417– Oleh kerana Rasulullah s.a.w sangat cintakan Abu Bakar, pernah baginda pergi ke rumah Abu Bakar dan berkata kepada Abu Bakar

لا جرم اطلع الله على قلبك و وجد ما فيها موافقا لما جرى على لسانك جعلك مني بمنزلة السمع
و البصر و الرأس, تفسير حسن عسكري

Bermaksud, "sudah tentu Allah s.w.t tahu apa yang tersimpan di dalam hatimu dan didapitinya apa yang tersimpan di dalam hatimu itu sesuai dengan apa yang terbit melalui lidahmu, ia menjadikan engkau bagiku sama seperti pendengaran, penglihatan dan kepala-tafsirhasan al-askariy (tafsir hasan askariy)". Jelas di sini begitu tinggi sekali sanjungan nabi s.a.w terhadap Abu Bakar, maka bagaimana pula komen kamu? Adakah riwayat ini dusta? Sedangkan ia juga dinukilkan daripada kitab tafsir imam kamu sendiri.

Sanggahan 418– Di dalam Hayatul Quluub (m/s 351) ada menyatakan Allah s.w.t mewahyukan kepada nabi, "bahawa orang-orang Quraisy merancang untuk membunuh baginda, oleh itu suruhlah Ali tidur di atas tilammu dan bawalah Abu Bakar menemani sepanjang perjalanan (hijrah ke Madinah)". Walaupun cerita ini rekaan orang-orang Syiah untuk membesarkan Sayyidina Ali, namun sebaliknya ia mempertontonkan kepada kita kebaikan Abu Bakar yang berjasa besar dalam menemani Baginda s.a.w sepanjang perjalanan tersebut. Satu lagi bukti percanggahan yang wujud antara ajaran syiah dengan kitab-kitab rujukan mereka sendiri.

Sanggahan 419– Kalaulah benar Allah tidak mempercayai Abu Bakar untuk menemani Rasulullah, tentu Dia tidak akan mentakdirkan begitu kerana sudah tentu tinggi risiko yang akan dihadapi Rasulullah apabila bersama Abu Bakar yang jahat itu.

Sanggahan 420– Di dalam Ghazawaat Haidariy (m/s 65) karangan Mirza Baazil Irani katanya, "apabila Rasulullah mendapat perintah supaya berhijrah, baginda terus pergi ke rumah Abu Bakar untuk memberitahu kepada Abu Bakar supaya pergi bersamanya". Kenapa Rasulullah mengajak orang yang tidak dipercayainya? Dan kalaulah benar Abu Bakar bersikap seperti yang didakwa oleh syiah, kenapa dia tidak mengambil peluang terbuka ini untuk mengapakan-apakan baginda, bahkan sebaliknya dia telah menjaga baginda sebegitu rapi sehingga mereka berdua selamat tiba di Madinah.

Sanggahan 421– Di dalam Ghazawaat Haidariy disebutkan, "di dalam perjalanan itu, apabila baginda mengalami kesakitan di kaki, Sayyidina Abu Bakar mendukung baginda". Kalaulah benar Sayidina Abu Bakar seorang yang tidak boleh dipercayai, pertama sekali kita ingin bertanya kenapa Rasulullah membawanya menemani baginda? Keduanya kalaulah benar Sayyidina Abu Bakar ini seorang yang jahat, kenapa sebegini lembut layanannya terhadap orang yang dibencinya? Kenapa dia tidak membiarkan Rasulullah berjalan sendiri? Beginikah sikap orang jahat?

Sanggahan 422– Di dalam Ghazawaat Haidariy (m/s 25) tersebut, "ketika nabi s.a.w dan Abu Bakar bersembunyi di dalam gua anak Sayyidina Abu Bakarlah yang datang membawa makanan berupa roti dan minuman kepada mereka berdua, namanya Abdullah b. Abu Bakar. Sementara itu hamba Abu Bakar, Amir b. Fuhairah membawa susu kepada mereka berdua dengan cara dia berpura-pura menjaga kambing di tepi gua. Sambil itu dia memerah susu kambing tersebut dan membawanya kepada nabi s.a.w dan Abu Bakar". Kesimpulannya ialah dalam keadaan orang yang sebegini baik tingkah lakunya terhadap Rasulullah s.a.w, boleh kamu katakannya jahat. Maka sebenarnya siapakah yang lebih jahat daripada orang yang menuduh Sayyidina Abu Bakar itu jahat?

Sanggahan 423– Di dalam Kasyful Ghummah karangan Ali b. Isa Al-Ardabiili katanya,

سئل الإمام أبو جعفر عن حلية السيف هل يجوز فقال نعم قد حلى أبو بكر الصديق سيفه
بالفضة فقال الراوي لا تقل هكذا فوثب الإمام عن مكانه فقال نعم الصديق نعم الصديق من لم
يقبل له الصديق فلا صدق الله قوله في الدنيا و الآخرة

“Imam Abu Ja’far (Muhammad Al-Baqir) pernah ditanya tentang perhiasan di pedang (hulu pedang), bolehkah ada perhiasan pada hulu pedang? Dia jawab ya (boleh), sedangkan Abu Bakar As-Siddiq pernah menghias pedangnya dengan perak. Perawinya pun berkata, jangan kamu katakan begitu (jangan kamu beralih harus menghias pedang dengan perbuatan Abu Bakar). Imam Muhammad pun terus bangkit berdiri daripada tempat duduknya. Dengan nada marah dia berkata, memang dia seorang yang benar, memang dia seorang yang benar, memang dia seorang yang benar!! Sesiapa yang menafikan kebenarannya, Allah s.w.t tidak akan membenarkan kata-katanya di dunia dan akhirat”. Cuba kamu jelaskan apa makna kata-kata Imam Muhammad Al-Baqir ini dengan syarat jawapan itu sesuai dengan kedudukan Imam Al-Baqir, bukan semata-mata jawapan kamu dia bertaqiyah.

Sanggahan 424– Di dalam Fulku An-Najah (m/s 104) dan Haqqul Yakin (m/s 121) tersebut bahawa, *“Asma’ bt. Umais dahulunya menjadi isteri kepada Abu Bakar”*. Adakah Sayyidina Ali tahu akan perkara ini? Jawapannya Sayyidina Ali tahu. Samalah seperti dakwaan kamu bahawa Sayyidina Abu Bakar itu kafir, Asma’ bt Umais itu pula seorang muslim, buktinya selepas kematian Abu Bakar, beliau berkahwin dengan Sayyidina Ali. Kalaulah benar Sayyidina Abu Bakar kafir, pernahkah Sayyidina Ali mengingatkan Asma’ bt Umais supaya tidak berkahwin dengan Sayyidina Abu Bakar kerana kekufurannya? Kalau benar ada peringatan daripada Sayyidina Ali mana dalilnya? Kalau dia tidak mengingatkan Asma’, bermakna dia telah berdosa. Mana mungkin imam yang ma’sum itu berdosa? Cuba kamu jawab persoalan ini!

Sanggahan 425– Ataupun mungkin kamu katakan bahawa Asma’ bt Umais ketika berkahwin dengan Abu Bakar dia belum lagi memeluk islam, setelah berkahwin dengan Sayyidina Ali barulah dia memeluk islam. Kalau benar begitu, mana dalil yang menyabitkannya!!

Sanggahan 426– Satu lagi kemusykilan ialah kenapa Abu Bakar yang didakwa kafir itu menamakan salah seorang anaknya dengan nama Muhammad? Mungkinkah seorang yang kafir menamakan anaknya Muhammad? Ini sebenarnya menunjukkan betapa Abu Bakar sangat mengasihi nabi s.a.w. Kerana itu dia mengabadikan nama nabi s.a.w kepada salah seorang anaknya.

Sanggahan 427– Sebenarnya Ja’far As-Sadiq (imam keenam) ada mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Sayyidina Abu Bakar. Dalam asyik kamu menghina Abu Bakar, sebenarnya secara tidak langsung ia turut terpalit kepada Jafar As-Sadiq, imam yang diagungkan-agungkan mengikut aqidah kamu. Ini bermakna kamu telah menghina imam kamu sendiri. Patutkah berlaku begitu? Di sini kita bawakan rantaian keturunan Imam Ja’far As-Sadiq. Ibunya bernama Ummu Farwah bt Qasim b. Muhammad b. Abu Bakar As-Siddiq. Nisbah As-Sadiq adalah dikaitkan kepada moyangnya iaitu Abu Bakar As-Siddiq.

Sanggahan 428– Di dalam Ihtijaj Tabarsiy (m/s 350) tersebut,

“لست بمنكر فضل عمر و لكن أبا بكر أفضل منه”

Sayyidina Ali berkata, *“aku tidak menafikan kelebihan Umar tetapi Abu Bakar lebih utama daripadanya”*. Ini menggambarkan bahawa pada zaman itu telah ada orang yang mula mempertikaikan Abu Bakar lalu Sayyidina Ali membantahnya dengan membandingkan antara kelebihan Abu Bakar dan Umar. Maka jika kedudukan Umar tidak boleh dipertikaikan, apatah lagi

untuk mempertikaikan Abu Bakar? Daripada luahan kata imam-imam syiah ini, bagaimana syiah boleh membenci Sayyidina Abu Bakar dan Umar sedemikian rupa, sedangkan imam-imam mereka sangat menyayanginya. Bahkan sebahagiannya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Abu Bakar?

Sanggahan 429– Di dalam Man Laa Yahdhuru Al-Faqih (m/s 125)

“إن أولى الناس بالتقدم في جماعة أقرأهم للقرآن و إن كانوا في القراءة سواء فأفهمهم و إن كانوا في الفهم سواء فأقدمهم هجرة فإن كانوا في السن سواء فأصبحهم وجها و صاحب المسجد أولى بمسجده”

Bermaksud, “*Sesungguhnya orang yang paling utama mengimami solat ialah yang paling sempurna bacaan Al-qurannya, jika tahap bacaan mereka itu sama, maka diutamakan yang paling faham tentang Al-quran, jika kefahaman mereka itu sama maka diutamakan yang paling awal berhijrah, jika itupun pun sama maka diutamakan yang paling elok wajahnya. Tuan masjid adalah lebih utama dengan masjidnya.*” Adakah sifat-sifat ini ada pada Sayyidina Abu Bakar? Jika kamu katakan ada, maka itulah yang sebenarnya. Jika kamu kata tiada, bermakna Sayyidina Ali telah meninggalkan amalan yang utama sepanjang masa. Ini tidak munasabah dengan sikap para sahabat yang sentiasa mengutamakan amalan yang utama.

Sanggahan 430– Berdasarkan dalil-dalil yang kuat banyak menunjukkan bahawa sahabat-sahabat terutamanya Sayyidina Abu Bakar memang benar-benar beriman. Juga terbukti berdasarkan sejarah bahawa Sayyidina Abu Bakar dikebumikan berdekatan dengan kubur baginda s.a.w. Jika kamu menolak hakikat ini, bermakna kamu melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kenyataan. Keimanan Abu Bakar memang tidak dapat dinafikan, begitu juga kebaikan para sahabat tidak dapat dinafikan. Kalau kamu menolaknya bermakna kamu telah berpaling dari fakta sejarah.

Sanggahan 431– Kalau kamu tetap mengatakan Sayyidina Abu Bakar ini seorang yang buruk, apa ertinya hadits yang terdapat di dalam kitab Man Laa Yahdhuru Al-Faqih,

“من مات في أحد الحرمين مكة أو المدينة لم يعرض و لم يحاسب”

Bermaksud, “*sesiapa yang mati di dua tanah haram Mekah dan Madinah, nescaya dia tidak akan dihitung dan dihisab.*” Maka bagaimana pula komen kamu terhadap hadits ini?

-PERBINCANGAN TENTANG PERMASALAHAN FADAK-

Sanggahan 432– Apakah hakikat fadak? Adakah ia nama bagi sebuah kebun atau ia adalah nama bagi sesebuah kampung? Cuba kamu jelaskan? Kalau dengan makna sebuah kampung atau satu kawasan yang luas, apakah ia (Fatimah) memiliki seluruh kampung itu atau sebahagian sahaja daripadanya?

Sanggahan 433– Di dalam Mana'iq Fakhirah tersebut, “**فإنها قرية ذات نخل كثير**”. Bermaksud, “*sesungguhnya ia satu kawasan besaryang mempunyai banyak pohon kurma.*” Di dalam syarah Nahjul Balaghoh karangan Ibnu Abi Al-Haad tersebut, “*apakah ta'rif yang diberikan ini berdasarkan kenyataan atau sebaliknya.*” Cuba kamu jelaskan?

Sanggahan 434- Kalau ini maksud fadak yang sebenarnya, maka apa ertinya yang tersebut di dalam kitab Al Anwar An-Nukmaaniah berhubung dengan fadak itu? Di mana disebutkan batas permulaannya bermula dari 'Ariys sebuah tempat di Mesir, batas keduanya ialah Dumatul Jandal, batas ketiganya Taima' dan keempatnya iaitu Bukit Uhud. Bermakna begitu luas kawasan Fadak itu, ia merangkumi tiga Negeri iaitu Mesir, Syria dan Madinah. Adakah munasabah nabi s.a.w meninggalkan kawasan seluas ini kepada Fatimah? Kalau ini dikatakan hadiah nabi s.a.w kepadanya, ataupun kalau itu adalah tanah pusaka, jadi manakah yang betul??

Sanggahan 435- Di dalam Manaqib Fakhirah tersebut, bahawa pernah Khalifah Harun Ar-Rasyid berkata kepada Musa Kazim, "*tuan ambillah tanah fadak ini saya mahu kembalikannya semula kepada tuan. Akan tetapi Musa Kaziim menolaknya. Maka Harun Ar-Rasyid bertanya kepadanya, seluas manakah batas Fadak itu? Musa Kazim jawab, batas pertamanya ialah negeri Mesir. Mendengar begitu maka terkejutlah Harun Ar-Rasyid sehingga berubah pucat wajahnya. Musa Kaziim berkata lagi, batas keduanya ialah sampai ke Samarqand (yakni dari Mesir). Mendengar jawapan itu bertambah pucatlah muka Harun Ar-Rasyid. Kata Musa Kaziim lagi, batas ketiganya ialah Afrika. Mendengar jawapan itu langsung berubah wajah Harun Ar-Rasyid menjadi kehitaman. Seterusnya Musa Kaziim berkata, batas yang keempat ialah Siifu Aj-Jarz (sempadan Armenia)*". Cuba kamu tentukan manakah kawasan Fadak yang sebenar berdasarkan riwayat-riwayat yang berbeza-beza ini bersandarkan dalil yang tepat!!

Sanggahan 436- Cuba jelaskan kepada kita bagaimanakah nabi s.a.w mendapatkan tanah Fadak tersebut? Adakah hasil daripada perjanjian damai dengan orang-orang yahudi ataupun secara ghanimah? Kalau kamu katakan ia adalah harta ghanimah, maka itu bercanggah dengan kenyataan. Kalau dikatakan ianya hasil perjanjian damai dengan orang-orang yahudi, iaitu mereka bersetuju menyerahkan harta mereka untuk menyelamatkan diri setelah berjanji damai dengan orang-orang islam. Kalau begitu salurannya, mengikut hukum islam harta itu sepatutnya diserahkan kepada perbendaharaan negara yang digunakan untuk kemaslahatan semua, bukannya menjadi milik peribadi seseorang.

Sanggahan 437- Harta yang diperolehi dengan cara sebegini sepatutnya menjadi milik peribadi Rasulullah s.a.w atau milik islam (kerajaan islam)? Kalau ia milik peribadi baginda, kenapa Rasulullah s.a.w mewajibkan (dengan perintah Allah) supaya harta tersebut dibahagikan kepada orang-orang fakir? Kalau sudah jelas harta itu milik baginda sepenuhnya dan baginda bebas menguruskannya tentulah persoalan ini tidak timbul dan sudah tentu baginda bebas memberikannya kepada sesiapa sahaja. Ini membuktikan ia bukan milik peribadi Rasulullah s.a.w.

Sanggahan 438- Di samping itu cuba kamu buktikan bahawa pernahkah nabi s.a.w membahagikan kebun Fadak itu (secara hibah) semasa hayatnya? Kalau kamu katakan pernah, bawakan bukti yang menyabitkannya? Kalau kamu katakan nabi s.a.w tidak pernah membahagikannya sebagai hibah, bermakna orang ramai tiada hak untuk menuntut tanah itu.

Sanggahan 439- Berdasarkan keterangan pengarang Fulku An-Najah, kenapa tidak kita katakan bahawa tanah Fadak ini telah dibahagikan oleh Rasulullah s.a.w?

Sanggahan 440- Tetapi berdasarkan Al-Quran, tiada ayat yang menyabitkan Fadak itu milik peribadi Rasulullah s.a.w. Bila begitu, bagaimana Rasulullah bertindak membahagikan sesuatu yang merupakan hak orang lain seperti anak yatim, orang miskin, janda dan sebagainya hanya kepada anaknya sahaja?

Sanggahan 441- Kalau kita kata haraf lam di dalam ayat "فله و للرسول" dengan maksud "milik atau tamlik", kenapa kita tidak katakan haraf lam dalam ayat "للفقراء المهاجرين" juga dengan erti yang sama?

Sanggahan 442- Kalau berdasarkan ayat Al-Quran, tanah Fadak ini adalah sebahagian daripada harta fai' yang mana ia tidak menjadi milik nabi s.a.w. Kalau bukan milik nabi s.a.w, sepatutnya baginda tidak boleh memberikan milik tanah Fadak itu kepada orang lain kerana ia bukan

miliknya. Jadi atas dasar apakah Fatimah mengemukakan tuntutan terhadap harta tersebut dengan Abu Bakar, padahal ia bukan milik nabi s.a.w?

Sanggahan 443– Kalau harta yang dituntut Fatimah itu sebagai harta pusaka, bermakna kita harus menerima tanah ini milik nabi s.a.w sedangkan itu bercanggah dengan ajaran Al-Quran. Tidakkah Fatimah sedar bahawa harta ini bukan kepunyaan bapanya? Dia juga tidak berhak memintanya. Kalau kamu katakan Fatimah tahu akan kenyataan ini, takkanlah dia mahu meminta sesuatu yang dia tidak berhak keatasnya? Jikalau dia tidak tahu menahu tentangnya, ianya mustahil dengan kedudukannya sebagai seorang anak.

Sanggahan 444– Bagaimana kalau kita katakan, tuntutan Fatimah terhadap harta tersebut hanya untuk menguruskannya sahaja bukan dengan maksud memilikinya?

Sanggahan 445– Kalau kita katakan begitu, maka persoalannya ialah siapakah yang berhak untuk mengurus harta tersebut, adakah ia terbuka kepada sesiapa sahaja ataupun ianya hak mutlak pemerintah? Kalau seseorang pemerintah meminta sesiapa yang berkelayakan menguruskannya, hukumnya adalah harus. Tetapi adakah bukti yang menunjukkan Abu Bakar sebagai pemerintah pada masa itu meminta Fatimah menguruskannya? Kalau benar sila nyatakan dalilnya!!

Sanggahan 446– Apakah tanggapan Fatimah terhadap jawapan Sayyidina Abu Bakar kepadanya semasa dia menuntut harta Fadak tersebut? Bagi Fatimah adakah jawapan yang diberikan Abu Bakar itu betul ataupun sebaliknya?

Sanggahan 447– Jika pada pandangan Fatimah jawapan Abu Bakar itu betul maka itulah yang tepat.

Sanggahan 448– Akan tetapi jika jawapan itu dianggapnya salah maka cuba kamu jelaskan di mana sudut kesalahannya.

Sanggahan 449– Adakah kamu terima hadits yang diriwayatkan Abu Bakar bahawa, "*kami para nabi tidak diwarisi apa-apa*". Kalau kamu tidak menerimanya, persoalannya ialah kenapa? Sedangkan ia terdapat di dalam kitab-kitab ahlu sunnah.

Sanggahan 450– Kalau kamu tidak menerima hadits yang mengatakan nabi s.a.w tidak menerima pusaka, maka cuba kamu jawab riwayat yang terdapat di dalam kitab kamu sendiri Man Laa Yahdhuruhul Faqiih tersebut, "*إن العلماء لم يورثوا درهما و لا ديناراً و لكنهم ورثوا العلم فمن أخذ منه أخذ بحظ وافر*". Bermaksud, "*sesungguhnya para nabi tidak meninggalkan dinar dan dirham, akan tetapi mereka hanya mewariskan ilmu, sesiapa yang mengambil ilmu itu dia akan mendapat bahagian yang besar*". Maka apa komen kamu terhadap hadits ini?

Sanggahan 451– Di dalam Ushu Al-Kaafi karangan Al-Kulaini, kitab yang disahkan oleh Imam Mahdi Al-Muntazhir juga tersebut, "*إن العلماء ورثة الأنبياء إن العلماء يورثوا درهما و لا ديناراً*". Bermaksud, "*sesungguhnya ulama' itu adalah pewaris para nabi mereka juga tidak meninggalkan dinar dan dirham. Mereka hanya meninggalkan hadits-hadits yang diriwayatkan*". Apa pula komen kamu terhadap hadits ini. Riwayatnya pula bukan melalui Abu Bakar bahkan semuanya melalui riwayat orang-orang syiah sendiri.

Sanggahan 452– Kalau kamu kata ini sebenarnya kata-kata Ja'far Sadiq, bukannya kata-kata nabi s.a.w maka kita mahu kemukakan kata-kata nabi s.a.w di dalam kitab kamu sendiri. Terdapat sabda baginda di dalam kitab Ushul Al-Kaafi hadits yang sama seperti yang tersebut di dalam sanggahan di atas.

"*إن العلماء لم يورثوا درهما و لا ديناراً و لكنهم ورثوا العلم فمن أخذ منه أخذ بحظ وافر*"

Bermaksud, "*sesungguhnya para nabi tidak meninggalkan dinar dan dirham, akan tetapi mereka hanya mewariskan ilmu, sesiapa yang mengambil ilmu itu dia akan mendapat bahagian yang besar*".

Sanggahan 453– Dalam keadaan begitu banyak riwayat Abu Bakar yang terdapat didalam kitab-kitab ahlus sunnah dan kitab kamu sendiri,apakah faktor sebenar yang menyebabkan kamu sentiasa menolak dan menafikan riwayat Abu Bakar??

Sanggahan 454– Kita sebenarnya tidak dapat menerima hadits yang menyatakan Fatimah memarahi Abu Bakar kerana tiada satupun lafaz hadits yang jelas yang tidak dipertikaikan kedudukannya menyebutkan tentangnya.Walaupun di dalam Bukhari ada diriwayatkan hadits tersebut,akan tetapi ulama' mempertikaikannya.Dari segi dirayah pula,kenapa perlu Fatimah memarahi Abu Bakar?Sedangkan Abu Bakar menyatakan kepada Fatimah apa yang diberitahu oleh Rasulullah s.a.w sendiri kepadanya,bukannya dia memandai-mandai memberikan jawapannya sendiri.Kalau benar Fatimah memarahi Abu Bakar,bermakna dia telah melanggar perintah s.a.w?Layakkah dia bertindak begitu?Satu lagi persoalan ialah kenapa Abu Bakar kata kepada Fatimah,*ambillah harta aku kesemuanya pun tidak mengapa*.Jika kamu mahu,beritahulah kepadaku aku akan berikan hartaku kepadamu,kerana nabi s.a.w tidak meninggalkan sedikit pun harta pusaka.Patutkah Fatimah memarahi orang yang sanggup mengorbankan hartanya sendiri semata-mata sayangnya sebagai anak Rasulullah s.a.w?Ini semua tersebut di dalam Syarah Nahjul Balaghoh karangan Ibnu Mitham Al-Bahrani dan Ad-Durratun Najafiyah karangan Ibnu Abi Al-Hadid.

Sanggahan 455– Andaikan Fatimah benar-benar marah,apakah kesan yang akan diterima oleh Abu Bakar dalam keadaan dia hanya meriwayatkan hadits Rasulullah s.a.w?Hadits itu pula diriwayatkan di dalam kitab-kitab ahlus sunnah dan juga syiah.Nyatanya ia tidak memberi apa-apa kesan kepada Abu Bakar.Jadi apa perlunya Fatimah memarahinya?

Sanggahan 456– Kalau kita terima Fatimah memang memarahi Abu Bakar,bukankah kemarahannya itu berkait dengan sabda nabi s.a.w?Jadi hakikatnya siapakah yang dimarahi Fatimah itu?Abu Bakar hanya menyampaikan hadits nabi s.a.w sahaja!!Sebenarnya tempias kemarahan itu secara langsung terkena kepada Rasulullah s.a.w sendiri.Nampaknya di sini Fatimah telah melanggar sabda bapanya sendiri.Adakah sikap begini sesuai dengannya yang dikenali sebagai sebaik-baik perempuan dalam akidah syiah?

Sanggahan 457– Kalaulah benar begini,adakah kemarahan Fatimah itu menjurus kepada Abu Bakar seorang sahaja?Tentulah tidak kerana Abu Bakar hanya menyampaikan hadits nabi,semestinya kemarahan itu lebih tepat kepada Rasulullah s.a.w.

Sanggahan 458– Kalau kamu dapat buktikan bahawa kemarahan Fatimah terhadap Abu Bakar adalah disebabkan beliau tidak dapat menuruti kemahumannya,tidak menyokongnya serta tidak memenuhi permintaannya.

Sanggahan 459– DI SINI TIDAK NYATA MAKSUD KITAB

Sanggahan 460– Di dalam Jilaa' Uyuun tersebut bahawa,"*Ja'far b. Abi Talib (abang Sayyidina Ali)telah mengirim seorang hamba perempuan kepada Sayyidina Ali.Ia menyebabkan Fatimah meragui Sayyidina Ali (adakah Ali bersetubuh dengan hamba itu).Kerana cemburu,Fatimah bertanya kepada Sayyidina Ali tentangnya.Akan tetapi Sayyidina bersumpah menafikannya sehingga menyebabkan Fatimah naik marah.Selepas itu dia meminta kebenaran Sayyidina Ali untuk pulang ke rumah bapanya,lalu Sayyidina Ali membenarkannya pulang*".Kenapa syiah mengemukakan riwayat ini?Jawapannya ialah,mengikut kepercayaan syiah Fatimah tidak boleh marah.Kalau dia marah,bermakna itu petanda kemarahan Allah.Berdasarkan i'tiradh terdahulu,nyata tersebut terdapat banyak sekali riwayat yang menyebutkan kemarahan Fatimah terhadap Sayyidina Abu Bakar.Ini bermakna Sayyidina Abu Bakar adalah seorang yang dimurkai oleh Allah kerana pernah dimarahi oleh Fatimah.Akan tetapi persoalannya ialah,berdasarkan riwayat ini adakah Allah juga murka terhadap Sayyidina Ali kerana beliau juga pernah dimarahi Fatimah?

Sanggahan 461– Di dalam kitab Jilaa' Ul-Uyuun juga ada disebutkan,"*bahawa ada orang menceritakan kepada Fatimah bahawa Sayyidina Ali mahu meminang anak perempuan Abu Jahal.Kerana terlampau sedih menerima berita tersebut,Fatimah pulang ke rumah bapanya (Rasulullah s.a.w) tanpa meminta kebenaran suaminya.Beliau membawa Hasan,Husin serta Ummi*

Kulthum bersamanya".Berdasarkan cerita ini membuktikan bahawa bukan sekali Sayyidina Ali dimarahi Fatimah.Kalau orang yang dimarahi Fatimah itu dimurkai Allah,sudah tentu orang yang paling dimurkaiNYA itu Sayyidina Ali.Adapun Abu Bakar berdasarkan riwayat kamu sendiri hanya sekali dimarahi Fatimah.

Sanggahan 462– Kalau kamu kata dengan sebab dimarahi Fatimah,seseorang itu akan tercela kanapa yang kamu anggap tercela itu hanya Abu Bakar seorang sahaja?Sedangkan Sayyidina Ali terlepas,kenapa??

Sanggahan 463– Berdasarkan riwayat kamu yang lalu tersebut bahawa nabi tidak meninggalkan pusaka berbentuk emas atau perak serta dinar atau dirham.Tidak dinyatakan pula bahawa baginda tidak meninggalkan harta berupa tanah.Jadi bagaimana dengan harta Fadak ini kerana ia bukannya dinar atau dirham,bahkan ia sebuah kebun?Bagaimana pula dengan riwayat yang terdapat dalam kitab Ihtijaj Thabarsiy?Iaitu tersebut,"*kami para nabi tidak meninggalkan pusaka berbentuk emas,perak,rumah dan tanah,kami hanya meninggalkan pusaka kitab,hikmah dan ilmu*".Apa pula komen kamu terhadap riwayat ini?

Sanggahan 464–"وأمير المؤمنين يتوقع رجوع".Bermaksud,"*Amirul mukminin mengharapkan Fatimah kembali kepadanya*".Bukankah riwayat ini menunjukkan bahawa Sayyidina Ali tidak ikut serta bersama Fatimah menuntut harta pusaka dengan Sayyidina Abu Bakar?Bahkan beliautidak menyokong tindakan Fatimah itu.

Sanggahan 465– Setelah begitu,timbul keraguan benarkah Fatimah,sebagai seorang wanita yang bermaruah pergi seorang diri menuntut harta tersebut?Ataupun dia menghantar utusan pergi menemui Abu Bakar,cuba kamu jelaskan?

Sanggahan 466– Adakah pemergian Fatimah menuntut harta Fadak itu mendapat persetujuan Sayyidina Ali ataupun tanpa persetujuannya?Cuba bawakan dalil terhadap setiap jawapan kamu,samaada dengan persetujuan Ali ataupun tanpa persetujuannya!!

Sanggahan 467–

Sanggahan 468–

Sanggahan 469– Syiah mendakawa bahawa di dalam kitab ahlus sunnah sendiri terdapat cerita yang menyebutkan Nabi s.a.w telah memberikan satu surat kepada Fatimah sebagai bukti penyerahan tanah Fadak kepadanya.Lalu Fatimah mengemukakannya kepada Abu Bakar,selepas itu dikemukakannya pula kepada Sayidina Umar akan tetapi beliau mengoyaknya.Berdasarkan cerita ini sebenarnya syiah ingin menthabitkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menyerahkan tanah Fadak itu kepada Fatimah sebagai hadiah,bukannya sebagai pusaka.Akan tetapi kita membantahnya kerana sesuatu yang hendak diberikan sebagai hadiah mestilah hak milik mutlak pemilik yang mahu menghadiahkannya.Adapun tanah Fadak ini bukanlah hak milik Rasulullah s.a.w kerana ia diperolehi melalui perjanjian damai,bukannya perang.Berdasarkan Al-Quran tanah Fadak ini merupakan harta fai' bukannya ghanimah!!Jadi bagaimana Rasulullah menghadiahkan sesuatu yang bukan miliknya kepada Fatimah,seandainya ia bercanggah dengan ajaran Al-Quran?Jika benar cerita ini ada di dalam kitab ahlus sunnah,sila kemukakannya dengan syarat ia diambil dari kitab ahlus sunnah yang muktabar,bukannya kitab propaganda syiah terhadap ahlus sunnah!!

Sanggahan 470– Dalam riwayat itu juga tersebut bahawa Sayyidina Abu Bakar melayani Fatimah dengan kasar sehingga disebutkan apabila Fatimah memarahi Abu Bakar,Abu Bakar menolaknya dengan kuat.Kamu dakwa bahawa cerita ini terdapat di dalam kitab ahlus sunnah.Kalau benar ada,cuba kamu bawakan buktinya daripada kitab-kitab muktabar ahlus sunnah!!

Sanggahan 471– Di dalam kitab I'laamu Al-Wara bi A'laami Al-Huda tersebut,"*bahawa ketika nabi s.a.w sakit yang membawa kepada kewafatannya,Fatimah datang menemuinya,lalu dia berkata,ya Rasulullah ini dua orang anak ini (Hasan dan Husain) berilah apa-apa pusaka kepada keduanya.Lalu Nabi pun berkata adapun Hasan,dia telah mendapat kehebatan dan keberanianku*

*sementara Husain pula mendapat keberanianku".*Berdasarkan riwayat ini nyatalah bentuk pusaka yang ditinggalkan nabi s.a.w hanyalah berupa kehebatan dan keberanian.

Sanggahan 472– Kenapa Fatimah masih lagi menuntut harta pusaka dengan Abu Bakar selepas kewafatan baginda sedangkan nabi telah meninggalkan pusaka yang berupa kehebatan dan keberanian kepada kedua cucunya?

Sanggahan 473– Adakah Sayyidina Ali tahu bahawa Fatimah telah memarahi Abu Bakar?Jika dia tidak tahu,tentu ia mustahil kerana mengikut aqidah syiah imam mengetahui segala apa yang ada dan berlaku.Kalau dia tidak tahu,kenapa selepas kemangkatan Fatimah,dia berbai'ah kepada Sayyidin Abu Bakar secara terang-terangan?Di dalam Ihtijaj Thabarsi jelas menyebut“ ”

Sanggahan 474– Kalaulah Sayyidina Ali tahu bahawa Abu Bakar adalah musuh Fatimah,kenapa dia tetap sembahyang berimamkan Abu Bakar?Di dalam Ihtijaj Thabarsi tersebut “ ” bermaksud,Mengikut aqidah syiah,orang yang dimarahi oleh Fatimah hukumnya adalah kafir.Jadi bagaimana Ali boleh sembahyang di belakang seorang yang kafir??Berdasarkan riwayat terdahulu ada tersebut bahawa Sayyidina Ali juga pernah dimarahi Fatimah.Bagi kamu adakah Sayyidina Ali juga boleh dihukumkan kafir??

Sanggahan 475–Adakah Sayyidina Husain tahu bahawa ibunya Fatimah bermusuhan dengan Sayyidina Umar?Tahukah beliau bahawa Sayyidina Umarlah yang mengoyakkan surat perakuan Rasulullah kepada Fatimah supaya Sayyidina Abu Bakar memberikannya pusaka,bahkan Sayyidina Umar juga menghalau ibunya daripada majlis tersebut.Adakah Sayyidina Husain tahu akan semua ini??

Sanggahan 476– Kalau Sayyidina Husain tidak tahu ia bercanggah dengan aqidah syiah.Bagi mereka imam mempunyai Ilmu Al-Kulli.Kalau tahu kenapa apabila dia mahu aqad nikah dengan Syahru Banu (hamba tawanan perang yang dihadiahkan oleh Umar kepada Sayyidina Husain supaya dikahwininya),dia pergi ke rumah Umar bersama Sayyidina Ali??Kalau benar Sayyidina bermusuhan dengan Fatimah,kenapa dia menghadiahkan Syahru Banu kepada Husain??

Sanggahan 477–Tidakkah Sayyidina Ali dan Sayyidina Husain bersimpati dengan Fatimah yang sedih dan marah kepada Sayyidina Umar?Adakah keduanya tidak bersetuju dengan tindakan Fatimah itu?Kalaulah keduanya bersetuju dengan Fatimah,kenapa mereka sangat mesra dengan Umar?

Sanggahan 478–

Sanggahan 479– Kalau kamu kata riwayat yang mengatakan Fatimah marah kepada Abu Bakar itu terdapat di dalam kitab ahlus sunnah jawabnya memang benarpun begitu.Tetapi adakah riwayat itu benar-benar disabdakan oleh nabi s.a.w atau sekurang-kurangnya ia benar dilafazkan oleh Fatimah??Atau siapakah sebenarnya yang mengungkapkan kata-kata ini??

Sanggahan 480– Kalau kita kata ini benar sabda nabi,bagaimana mungkin demikian sedangkan peristiwa ini berlaku selepas kewafatannya??